



LAPORAN INTERIM 2018

Bagi tempoh kewangan dari
1 Oktober 2017 hingga 31 Mac 2018

Kandungan

01 - 09

Laporan Pengurus

10

Laporan Pemegang Amanah

11

Penyata Pengurus

12

Laporan Penasihat Syariah

13 - 16

Laporan Juruaudit Bebas

17

Penyata Pendapatan Komprehensif

18

Penyata Posisi Kewangan

19

Penyata Perubahan dalam Ekuiti

20

Penyata Aliran Tunai

21 - 49

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

LAPORAN PENGURUS BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018

A. Maklumat Dana

1. Nama Dana

Amanah Hartanah Bumiputera (“Dana”)

2. Jenis Dana

Pendapatan

3. Kategori Dana

Aset-aset yang disokong harta tanah (unit amanah)

4. Tempoh Dana

Dana ini tiada tempoh terhad.

5. Tarikh pelancaran Dana

24 November 2010

6. Harga seunit Dana

Harga seunit telah ditetapkan pada Ringgit Malaysia (“RM”) 1.00.

7. Objektif pelaburan Dana

Objektif pelaburan Dana adalah untuk memberikan aliran pendapatan yang tetap dan konsisten sementara mempertahankan modal pelaburan para pemegang unit. Mana-mana perubahan ketara pada matlamat pelaburan Dana memerlukan kelulusan para pemegang unit.

8. Dasar Pengagihan Dana

Agihan boleh dibuat daripada pendapatan Dana, menurut budi bicara Maybank Asset Management Sdn Bhd (“Pengurus”) melalui rundingan dengan pihak Pelaburan Hartanah Berhad (“Penaja”), setiap setengah tahun atau pada masa lain yang tertentu menurut budi bicara tunggal Pengurus, tertakluk kepada kelulusan AmanahRaya Trustee Berhad (“Pemegang Amanah”).

Memandangkan zakat adalah perbelanjaan Dana yang dibenarkan, Dana membayar zakat bagi pihak pemegang unit. Oleh itu, agihan pendapatan yang diterima oleh pemegang unit adalah bersih selepas zakat.

9. Tanda aras prestasi Dana

Simpanan Tetap Islamik-i 12 bulan, Maybank Islamic Berhad.

10. Adakah Dana mencapai objektif pelaburannya?

Secara keseluruhannya, Dana telah mencapai objektif pelaburannya bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2018.

LAPORAN PENGURUS BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018 (SAMB.)

A. Maklumat Dana (Samb.)

10. Adakah Dana mencapai objektif pelaburannya? (Samb.)

Bagi tempoh kewangan ditinjau, Dana telah mencatatkan pulangan sebanyak 3.10%, mengatasi jumlah pulangan tanda aras prestasinya sebanyak 1.59%.

11. Apakah polisi pelaburan dan strategi pelaburan utama Dana?

Dana berusaha mencapai objektif pelaburannya melalui pelaburan sehingga 100% dari nilai aset bersih pada kos ("VOF") dalam pemilikan benefisial harta tanah di Malaysia daripada Penaja, atau anggota-anggota gabungannya khususnya dalam harta tanah komersial meliputi tetapi tidak terhad kepada bangunan pejabat, kompleks membeli-belah, pusat komersial, logistik dan kompleks perindustrian. Dana juga turut melabur dalam instrumen pasaran kewangan patuh Syariah dan instrumen-instrumen setara serta memegang wang tunai bagi memenuhi keperluan tunainya.

Pelaburan	Had-had
Pelaburan dalam pemilikan benefisial harta tanah di Malaysia yang patuh Syariah	34% hingga 100% daripada VOF Dana boleh dilaburkan dalam pemilikan benefisial harta tanah di Malaysia
Wang tunai dan mana-mana pasaran instrumen pasaran wang yang patuh Syariah	0% hingga 66% daripada VOF Dana boleh dilaburkan dalam pasaran wang tunai atau mana-mana pasaran instrumen pasaran kewangan lain

12. Agihan bersih Dana bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2018

Dana telah mengagihkan jumlah pendapatan bersih sebanyak RM117,377,768 kepada pemegang unit bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2018.

Maklumat terperinci bagi pengagihan yang dibuat pada tempoh kewangan semasa adalah seperti berikut:

Tarikh agihan	Agihan kasar/ bersih seunit (sen)	Jumlah agihan (RM)
31 Mac 2018	3.10	117,377,768
Jumlah	3.10	117,377,768

LAPORAN PENGURUS BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018 (SAMB.)

A. Maklumat Dana (Samb.)

13. Pecahan pegangan unit mengikut saiz

Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2018, Dana mempunyai sebanyak 3,850,000,000 unit yang telah dilanggan oleh 59,636 pemegang-pemegang unit individu dan juga institusi. Nisbah pegangan unit setakat 31 Mac 2018 adalah seperti berikut:

	Pemegang Unit	Peratusan %	Bilangan unit ('000) unit	Peratusan %
5,000 unit dan ke bawah	41,976	70.39	45,833	1.19
5,001 - 10,000 unit	3,696	6.20	31,926	0.83
10,001 - 50,000 unit	5,850	9.81	164,076	4.26
50,001 - 500,000 unit	8,101	13.58	2,032,213	52.79
500,001 unit ke atas	13	0.02	* 1,575,951	40.93
Jumlah	59,636	100.00	3,850,000	100.00

* Termasuk 255,621,313 unit yang dilanggan oleh Penaja.

B. Penilaian prestasi Dana

1. Data utama prestasi Dana

Kategori	01.10.2017 hingga 31.03.2018	01.10.2016 hingga 30.09.2017	01.10.2015 hingga 30.09.2016	01.10.2014 hingga 30.09.2015
Komposisi portfolio				
- Aset-aset pajakan (%)	99.21	99.09	98.96	91.61
- Tunai dan aset-aset lain (bersih) (%)	0.79	0.91	1.04	8.39
Jumlah (%)	100.00	100.00	100.00	100.00
Unit dalam edaran (unit'000)	3,850,000	3,850,000	3,300,000	1,800,000
Pulangan tahunan (%)⁽¹⁾				
- Pertumbuhan modal (%)	-	-	-	-
- Agihan pendapatan (%)	3.10	6.20	6.50	6.60
Jumlah pulangan (%)	3.10	6.20	6.50	6.60
Tanda aras prestasi (%)	1.59	3.16	3.30	3.30
Tarikh agihan				
Interim	31.03.2018	31.03.2017	31.03.2016	31.03.2015
Akhir	-	30.09.2017	30.09.2016	30.09.2015
Agihan kasar/bersih seunit (sen)				
Interim	3.10	3.10	3.30	3.30
Akhir	-	3.10	3.20	3.30
Jumlah	3.10	6.20	6.50	6.60

LAPORAN PENGURUS BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018 (SAMB.)

B. Penilaian Prestasi Dana (Samb.)

1. Data utama prestasi Dana (samb.)

Kategori	01.10.2017 hingga 31.03.2018	01.10.2016 hingga 30.09.2017	01.10.2015 hingga 30.09.2016	01.10.2014 hingga 30.09.2015
Nisbah Belanja Pengurusan ("NBP") (%) ⁽²⁾	0.27	0.52	0.66	0.90
Nisbah Pusing Ganti Portfolio ("NPGP") ⁽³⁾	-	-	-	-

Nota:

- (1) Pulangan sebenar Dana adalah berdasarkan pengagihan pendapatan yang dibuat pada tempoh/tahun kewangan masing-masing, dan dikira berdasarkan purata harian nilai aset bersih ("NAB") setiap unit, selepas ditolak yuran Pengurus dan Pemegang Amanah.
- (2) Jumlah NBP turun daripada 0.52% kepada 0.27% bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2018 disebabkan oleh pengurangan perbelanjaan sepanjang tahun ditinjau.
- (3) Memandangkan dana ini dilaburkan dalam pemilikan benefisial aset pajakan, NPGP tidak dikenakan ke atas Dana.

Kategori	01.10.2017 hingga 31.03.2018	01.10.2016 hingga 30.09.2017	01.10.2015 hingga 30.09.2016	01.10.2014 hingga 30.09.2015	01.10.2013 hingga 30.09.2014
Jumlah pulangan tahunan (%)	3.10	6.20	6.50	6.60	6.60
Tanda aras prestasi (%)	1.59	3.16	3.30	3.30	3.30

Para pelabur dinasihatkan bahawa prestasi lampau Dana tidak semestinya menggambarkan prestasi masa depan Dana. Harga unit dan pulangan pelaburan mungkin mengalami kenaikan atau penurunan.

2. Prestasi Dana bagi tempoh berikut:

Kategori	6 bulan hingga 31.03.2018 %	Setahun hingga 31.03.2018 %	2 tahun hingga 31.03.2018 %	3 tahun hingga 31.03.2018 %	Sejak penubuhan hingga 31.03.2018 %
Pertumbuhan modal	-	-	-	-	-
Agihan pendapatan	3.10	6.20	12.50	19.10	47.42
Jumlah pulangan Dana	3.10	6.20	12.50	19.10	47.42
Tanda aras prestasi	1.59	3.15	6.34	10.00	26.13
Purata jumlah pulangan	3.10	6.20	6.07	6.00	5.44

Bagi tempoh kewangan yang ditinjau, Dana mencatatkan pulangan sebanyak 3.10%, mengatasi jumlah pulangan tanda aras prestasinya sebanyak 1.59%.

LAPORAN PENGURUS BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018 (SAMB.)

B. Penilaian Prestasi Dana (Samb.)

3. Asas pengiraan pulangan

Angka prestasi adalah perbandingan pertumbuhan/penurunan NAB setelah mengambil kira semua agihan yang perlu dibayar (jika ada) dalam tempoh yang ditetapkan.

Ilustrasi bagi asas pengiraan pulangan adalah seperti berikut:

Pulangan modal	= NAB akhir seunit/ NAB mula seunit - 1
Pulangan pendapatan	= Agihan pendapatan seunit / NAB seunit pada tarikh agihan
Jumlah pulangan	= (1+Pulangan modal) x (1+Pulangan pendapatan) - 1

C. Gambaran Keseluruhan Pasaran

Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2018, pasaran saham tempatan mencatatkan kenaikan sebanyak 5.70%. Pasaran saham pada mulanya menunjukkan penurunan pada bulan September 2017 walaupun keadaan makroekonomi tampak kukuh, disebabkan oleh ancaman senjata nuklear oleh Korea Utara yang mendominasi media. Pelbagai berita positif di Malaysia, seperti Bajet 2018 yang memihak kepada rakyat, pertumbuhan 3Q17 Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") yang lebih baik dari jangkaan, kenaikan harga minyak mentah dan pengukuhan nilai matawang ringgit tidak dapat menaikkan pasaran saham. Walaubagaimanapun, pasaran mula meningkat pada hari-hari terakhir tahun 2018 disebabkan oleh aktiviti-aktiviti menghias buku.

Pada suku pertama 2018, pelabur-pelabur asing terus mengeluarkan dana dari Malaysia disebabkan ketidakpastian tentang polisi Amerika Syarikat, kali ini berkaitan dasar perlindungan serta perang perdagangan global. Pada masa yang sama, ketidakpastian dalam tarikh Pilihanraya Umum ke-14 juga menyebabkan pelabur-pelabur mengambil langkah berjaga-jaga ketika melabur dalam pasaran Malaysia. Perkembangan ekonomi global yang stabil serta keputusan Federal Reserve Amerika Syarikat untuk tidak menaikkan kadar faedah tidak dihiraukan pelabur-pelabur kerana ketegangan antara Amerika Syarikat dan China makin meningkat. Chicago Board Options Exchange Volatility Index ("VIX") yang mengukur jangkaan naik-turun pasaran, menunjukkan peningkatan sebanyak lebih 80% dalam suku pertama 2018 dari aras terendah dalam sejarah.

LAPORAN PENGURUS BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018 (SAMB.)

D. Pasaran Hartanah Komersial

Prestasi pasaran harta tanah komersial masih tidak sejajar dengan keadaan makroekonomi negara makin kukuh, dan ini berterusan sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2018. Pasaran ruang pejabat kekal suram disebabkan situasi bekalan yang berlebihan, manakala permintaan kekal tidak memberangsangkan. Bekalan di Kuala Lumpur masih bertambah berikutan penyelesaian projek JKG Tower, Mercu 3 di KL Eco City serta Menara Suezcap 2 @ KL Gateway. Sementara itu, pasaran pejabat di Selangor tampak lebih baik berbanding Kuala Lumpur kerana tiada peningkatan dalam bekalan ruang pejabat. Menurut laporan ‘Real Estate Highlights for 2nd Half 2017’ dari Knight Frank, kadar penghunian pejabat di pusat Bandaraya Kuala Lumpur masih stabil, iaitu 80.1% untuk setengah tahun terakhir 2017 manakala kadar penghunian di luar kawasan pusat bandar menurun ke 87.3% berbanding 90.9% dalam tempoh enam bulan sebelumnya. Walaubagaimanapun, kadar penghunian di Selangor telah menunjukkan peningkatan ke 79.5% berbanding 77.8% dalam tempoh enam bulan sebelumnya.

Pasaran harta tanah peruncitan di Lembah Klang terus menunjukkan prestasi yang tidak memberangsangkan. Sentimen pengguna menunjukkan peningkatan dan dapat dilihat pada kenaikan indeks sentimen pengguna hasil kajian Insitut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (“MIER”). Walaubagaimanapun, indeks ini masih berada di bawah tahap optimisme 100. Kali terakhir indeks ini berada di atas aras optimisme adalah pada suku ketiga tahun 2014, sebelum kejatuhan harga minyak mentah. Justeru itu, peningkatan sentimen pengguna tidak dapat meningkatkan perbelanjaan di kalangan pengguna dengan serta-merta. Tambahan pula, pertambahan akitiviti-aktiviti pembelian di internet juga menyebabkan penurunan jumlah pengunjung pusat beli-belah. Bekalan baru pusat beli-belah seperti Melawati Mall dan Amerin Mall juga menambah-burukkan situasi bekalan yang berlebihan ini. Kadar penghunian kekal rendah pada 84.9% untuk pusat beli-belah di dalam Kuala Lumpur dan 85.4% di Selangor. Walaubagaimanapun, kadar penghunian untuk pusat beli-belah prima di Kuala Lumpur dan Selangor kekal tinggi iaitu melebihi 95%.

E. Ramalan Pasaran Hartanah Komersial

Disebabkan masalah bekalan berlebihan terus membenggu pasaran harta tanah di Malaysia, kerajaan telah mengumumkan pembekuan projek-projek pembangunan harta tanah untuk empat jenis pembangunan, iaitu pusat beli-belah, pejabat, pangsapuri servis serta kondominium mewah. Berkuatkuasa pada 1 November 2017, pembekuan ini adalah khusus untuk pemohon-pemohon baru dan tidak akan memberi impak terhadap projek-projek yang mana

LAPORAN PENGURUS BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018 (SAMB.)

E. Ramalan Pasaran Hartanah Komersial (Samb.)

permohonannya sudah diserahkan sebelum ini. Kami berpendapat bahawa langkah ini akan memberi kesan positif terhadap pasaran penyewaan ruang pejabat dan beli-belah kerana pembekuan ini mensasari masalah bekalan berlebihan untuk kedua-dua pasaran yang telah menjadi isu utama untuk pasaran hartanah komersial di Malaysia.

Walaubagaimanapun, kami berpendapat bahawa masih terdapat bekalan baru untuk penyewaan. Maka, dalam jangka masa pendek bekalan masih akan memberi tekanan kepada pasaran hartanah komersial di Kuala Lumpur. Pada jangka masa panjang, pasaran dijangka akan bertambah baik disebabkan bekalan yang terhad dan permintaan yang meningkat. Sejak suku pertama 2017, Indeks Keadaan Perniagaan hasil kajian Insitut Penyelidikan Ekonomi Malaysia ("MIER") telah kekal lebih dari aras 100 mata. Jika Indeks keadaan Perniagaan kekal stabil atau meningkat lebih baik, maka para peniaga akan lebih optimistik terhadap prospek perniagaan di Malaysia. Ini mungkin akan menggalakkan para peniaga untuk memperluaskan perniagaan, dan ini akan meningkatkan permintaan untuk ruang pejabat. Walaubagaimanapun, jika bekalan meningkat pada kadar yang lebih tinggi dari permintaan, impak bersih mungkin tidak memberi kesan yang baik untuk pasaran hartanah pejabat. Maka, adalah penting untuk pembekuan kerajaan dikekalkan untuk tempoh yang sesuai dalam memastikan keseimbangan di antara bekalan dan permintaan.

Untuk ruang pejabat komersial, kami juga menjangkakan pasaran akan kekal mencabar dalam jangka masa pendek, namun prospek jangka panjang masih kekal positif. Disebabkan peningkatan data ekonomi akan mengambil lebih masa untuk memberi impak terhadap sentimen pengguna, kami menjangkakan perbelanjaan runcit akan bertambah baik pada tahun 2018, dan secara tidak langsung mempengaruhi peningkatan terhadap jumlah pengunjung di pusat beli-belah. Perkembangan industri e-dagang akan kekal mengganggu pasaran hartanah dan mempunyai potensi untuk berkembang lebih pesat dengan bertambahnya pelaburan dalam industri ini. Contohnya, Ali Baba, salah sebuah syarikat internet yang terbesar di China, baru-baru ini telah mengumumkan untuk menggandakan pelaburannya dalam Lazada. Ali Baba juga turut mengatakan bahawa Asia Tenggara adalah salah satu dari pasaran utama yang menjadi sasaran untuk pertumbuhan pesat. Konsep e-dagang dalam segmen kedai-kedai makanan dan minuman juga makin mendapat sambutan, walaubagaimanapun, kami percaya kedai-kedai fizikal akan masih relevan terhadap para pengguna di Malaysia.

LAPORAN PENGURUS BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018 (SAMB.)

F. Gambaran Pasaran Wang

Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2018, kadar pulangan jangka pendek adalah 3.15% bagi tempoh pelaburan sebulan dan 3.35% bagi tempoh pelaburan setahun di dalam pasaran wang patuh Syariah.

G. Gambaran Keseluruhan Ekonomi

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.90% berbanding tahun sebelumnya pada suku terakhir 2017. Perkembangan ini disokong oleh peningkatan yang berterusan dalam eksport bersih negara, terutamanya eksport barang perkilangan dan gas cecair asli (“LNG”). Permintaan tempatan juga makin pulih, selari dengan pemulihan ekonomi serantau. Pada suku pertama 2018, harga komoditi juga meningkat ekoran pemulihan dalam harga minyak mentah pada purata Amerika Syarikat Dolar (“AS\$”) 67.23 setong berbanding purata suku sebelumnya, iaitu AS\$ 61.46 setong.

Peningkatan harga minyak mentah adalah bagus untuk Malaysia sebagai pengekspot bersih minyak mentah, oleh itu nilai matawang ringgit turut sama mengukuh ke RM3.86 berbanding dolar AS pada 31 Mac 2018. Bank Negara turut mengumumkan rizab antarabangsa meningkat kepada AS\$102.40 bilion pada 31 Disember 2017 berbanding AS\$101.90 bilion yang dicatatkan bulan sebelumnya. Pengukuran ekonomi negara telah menyebabkan Bank Negara menaikkan Kadar Dasar Semalam (“OPR”) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (“MPC”) yang pertama tahun ini pada bulan Januari, selari dengan jangkaan konsensus.

Penganalisa-penganalisa ekonomi telah mengekalkan jangkaan tinggi mereka untuk Malaysia tahun ini. Misalnya, Bank Dunia (“World Bank”) menjangkakan pertumbuhan 5.80% untuk keseluruhan tahun 2018 manakala Tabung Kewangan Antarabangsa (“IMF”) memberi jangkaan pertumbuhan sebanyak 5.30%. Bank Negara pula menjangkakan pertumbuhan ekonomi dalam lingkungan 5.50% ke 6.00%. Ini menyokong jangkaan Pengurus Dana yang ekonomi Malaysia mampu mencatatkan perkembangan sebanyak 5.00% ke 5.50% untuk keseluruhan tahun 2018.

H. Strategi Pelaburan

Dana akan berusaha membuat pelaburan tambahan dalam pemilikan berfaedah aset harta tanah daripada penaja melalui pengaturan jualan dan pajakan semula sebagaimana yang ditakrifkan di dalam prospektus. Dalam menilai pelaburan selanjutnya di dalam pemilikan

LAPORAN PENGURUS BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018 (SAMB.)

H. Strategi Pelaburan (Samb.)

berfaedah harta tanah daripada penaja, Dana akan memberi tumpuan utama kepada pelaburan dalam pemilikan berfaedah harta tanah yang menghasilkan pendapatan yang stabil dan meningkatkan hasil, serta harta tanah yang nilainya boleh ditingkatkan melalui pelbagai inisiatif penambahan aset. Dana juga akan melabur lebihan wang didalam pasaran wang bagi menambah hasil pendapatan untuk pemegang unit.

I. Peruntukan Aset

Perbandingan peruntukan aset bagi tempoh kewangan 31 Mac 2018 dan tahun kewangan sebelumnya adalah seperti berikut:

Peruntukan Aset	31.03.2018		30.09.2017	
	RM	%	RM	%
Aset-aset pajakan	3,821,000,000	99.21	3,821,000,000	99.09
Tunai, deposit-deposit patuh Syariah dengan institusi-institusi kewangan berlesen dan aset-aset bersih lain	30,298,946	0.79	35,203,589	0.91
Jumlah NAB	3,851,298,946	100.00	3,856,203,589	100.00

J. NAB Pada 31 Mac 2018

	2017	2016	Perubahan (%)
NAB (RM)	3,851,298,946	3,856,203,589	(0.13)
Unit dalam edaran (unit)	3,850,000,000	3,850,000,000	-
NAB seunit (RM)	1.00	1.00	-

K. Komisen Ringan dan Rebat

Pengurus dan perwakilannya tidak akan mengekalkan sebarang bentuk komisen ringan dan rebat daripada atau sebaliknya saham dalam mana-mana komisen dengan mana-mana broker sebagai pertimbangan bagi pengurusan pelaburan Dana kecuali komisen ringan yang diterima dikekalkan dalam bentuk barang dan perkhidmatan seperti perkhidmatan kewangan berwayar dan sistem sebut harga saham yang bersampingan dengan pengurusan pelaburan Dana. Semua urusan dengan broker dilaksanakan mengikut terma-terma tersedia ada yang terbaik.

Sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2018, Pengurus dan para perwakilannya tidak menerima sebarang komisen ringan dan rebat dari broker atau peniaga.

LAPORAN PEMEGANG AMANAH

KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA

BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada Amanah Hartanah Bumiputera (“Dana”) bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2018. Berdasarkan pendapat dan pengetahuan kami, Maybank Asset Management Sdn Bhd (“Pengurus”) telah menguruskan Dana selaras dengan perkara-perkara berikut:

- (a) Had yang dikenakan ke atas kuasa pelaburan Pengurus dan Pemegang Amanah di bawah Surat Ikatan, Garis Panduan bagi Dana Unit Amanah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkenaan;
- (b) Penilaian/penentuan harga telah dilaksanakan mengikut Surat Ikatan dan keperluan pengawalseliaan yang berkaitan;
- (c) Pewujudan dan pembatalan unit telah dijalankan mengikut keperluan Surat Ikatan dan keperluan pengawalseliaan yang berkaitan; dan
- (d) Pengagihan pulangan untuk tempoh kewangan ini terikat kepada dan mencerminkan objektif Dana.

Untuk dan bagi pihak
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

Habsah Binti Bakar
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
21 Mei 2018

PENYATA PENGURUS

Kami, Dr Hasnita Binti Dato' Hashim dan Ahmad Najib Bin Nazlan, yang merupakan dua daripada Pengarah Maybank Asset Management Sdn Bhd ("Pengurus"), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus, penyata kewangan iringan yang dibentangkan pada muka surat 17 hingga 49 telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 134: Pelaporan Kewangan Interim dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa 134: Pelaporan Kewangan Interim untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai posisi kewangan Amanah Hartanah Bumiputera pada 31 Mac 2018 dan mengenai prestasi kewangan, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunainya bagi tempoh kewangan dan patuh kepada keperluan Surat Ikatannya.

Untuk dan bagi pihak Pengurus

Dr Hasnita Binti Dato' Hashim

Ahmad Najib Bin Nazlan

Kuala Lumpur, Malaysia
21 Mei 2018

LAPORAN PENASIHAT SYARIAH

KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA

Kami telah bertindak sebagai Penasihat Syariah bagi Amanah Hartanah Bumiputera (“Dana”). Tanggungjawab kami adalah untuk memastikan bahawa prosedur dan proses yang digunakan oleh Maybank Asset Management Sdn Bhd (“Pengurus”) adalah selaras dengan prinsip-prinsip Syariah.

Pada pendapat kami, Pengurus telah menguruskan dan mentadbir Dana ini menurut prinsip Syariah dan mematuhi garis panduan, perintah atau keputusan berkenaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tentang hal-hal berkaitan Syariah bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2018.

Di samping itu, kami juga mengesahkan bahawa portfolio pelaburan Dana sepanjang tahun kewangan berakhir seperti di atas yang terdiri daripada tunai di bank, deposit-deposit dengan institusi-institusi kewangan berlesen dan aset-aset pajakan adalah patuh Syariah.

Bagi pihak Penasihat Syariah Dana

Dr Aznan Bin Hasan
Pengerusi

Dr Mohammad Deen Bin Mohd Napiah
Ahli

Dr Ismail Bin Mohd @ Abu Hassan
Ahli

Kuala Lumpur, Malaysia
21 Mei 2018

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

Laporan audit penyata kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Amanah Hartanah Bumiputera (“Dana”), yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan Dana pada 31 Mac 2018, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Dana bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota lain, seperti yang dibentangkan di muka surat 17 hingga 49.

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dana pada 31 Mac 2018, dan prestasi dan aliran tunai kewangannya bagi tempoh berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

Asas bagi pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian dihuraikan dengan lanjut dalam tanggungjawab Juruaudit bagi pengauditan bahagian penyata kewangan laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat audit kami.

Kebebasan dan tanggungjawab etika lain

Kami adalah pihak yang tidak berkaitan dengan Dana mengikut Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia (“Undang-undang Kecil”) dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan Profesional (“Kod IESBA”), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kita lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada laporan penyata kewangan dan juruaudit

Maybank Asset Management Sdn Bhd (“Pengurus”) bertanggungjawab untuk maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada maklumat yang dimasukkan dalam laporan kewangan Dana, tetapi tidak termasuk penyata kewangan bagi Dana dan laporan juruaudit mengenainya.

Pendapat kami terhadap penyata kewangan Dana tidak melingkungi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan dan kesimpulan mengenainya.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT (SAMB.)

Maklumat selain daripada laporan penyata kewangan dan juruaudit (Samb.)

Berkaitan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Dana, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan, dengan berbuat demikian, kami pertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu adalah secara ketaranya tidak selaras dengan penyata kewangan Dana atau pengetahuan kami diperolehi dalam audit atau sebaliknya, menampakkan salah nyata yang material.

Jika dari hasil kerja yang kami lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan berkenaan. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Apabila kami membaca laporan tahunan, jika kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami dikehendaki untuk menyampaikan perkara itu kepada Pengurus Dana dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah bagi penyata kewangan

Pengurus adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan Dana yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Pengurus juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang mana Pengurus fikirkan adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Dana adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Dana, Pengurus bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana untuk meneruskan kesinambungannya dan membuat pendedahan-pendedahan yang berkaitan dengan asas-asas kesinambungan Dana kecuali jika Pengurus bercadang untuk membubarkan Dana atau untuk menghentikan operasi Dana, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk menyelia proses laporan kewangan Dana. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyata kewangan ini disediakan dengan benar dan saksama.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT (SAMB.)

Tanggungjawab juruaudit bagi pengauditan penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Dana secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting jika, secara individu atau dalam agregat, secara munasabah boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Dana, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko untuk yang sama akibat daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, gambaran yang salah, atau salahguna terhadap kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana.
- Menilai kebersesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Pengurus.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan dasar perakaunan kesinambungan dana oleh Pengurus dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Dana untuk meneruskan kesinambungannya. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian yang ketara wujud, kami dikehendaki untuk

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT (SAMB.)

Tanggungjawab juruaudit bagi pengauditan penyata kewangan (Samb.)

menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Dana atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Dana untuk berhenti untuk meneruskan kesinambungannya.

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Dana, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Dana menunjukkan asas urus niaga dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan pengurus mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan masa audit dan penemuan penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dapat kami kenalpasti semasa audit kami.

Perkara-perkara lain

Laporan ini dibuat hanya kepada Pemegang Unit Dana, sebagai sebuah badan, menurut Garispanduan Dana Unit Amanah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang lain bagi kandungan laporan ini.

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Bertauliah

Lee Pei Yin
No. 03189/05/2019 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
21 Mei 2018

Ini adalah terjemahan Bahasa Malaysia untuk penyata kewangan Amanah Hartanah Bumiputera yang telah diaudit, yang pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk membolehkan Pemegang Unit Dana yang fasih dalam Bahasa Malaysia untuk memahami sepenuhnya penyata kewangan berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018

Nota	01.10.2017 hingga 31.03.2018	01.10.2016 hingga 31.03.2017
	RM	RM

PENDAPATAN PELABURAN

Pendapatan keuntungan	911,114	1,468,726
Pendapatan sewa	95,334,420	81,584,020
Hibah diterima	29,000,000	26,500,000
	<u>125,245,534</u>	<u>109,552,746</u>

PERBELANJAAN

Yuran Pengurus	4	9,423,252	8,331,325
Yuran Pemegang Amanah	5	500,000	500,000
Imbuhan juruaudit		6,800	6,800
Yuran agen percukaian		4,800	4,800
Perbelanjaan pentadbiran		411,344	263,185
		<u>10,346,196</u>	<u>9,106,110</u>

Pendapatan bersih sebelum cukai dan zakat

Perbelanjaan cukai pendapatan	6	114,899,338	100,446,636
Perbelanjaan zakat	7	(2,426,213)	(2,511,132)

Pendapatan bersih selepas cukai dan zakat, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh kewangan

		112,473,125	97,935,504
--	--	-------------	------------

Pendapatan bersih selepas cukai dan zakat terdiri daripada yang berikut:

Pendapatan terealisasi bersih		112,473,125	97,935,504
-------------------------------	--	-------------	------------

Pengagihan bagi tempoh kewangan:

Agihan bersih	14	117,377,768	100,208,376
Agihan kasar/bersih seunit (sen)	14	3.10	3.10

Nota-nota iringan ini merupakan bahagian penting penyata kewangan interim yang diaudit.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 MAC 2018

	Nota	31.03.2018 RM	30.09.2017 RM
ASET-ASET			
Tunai di bank		1,865	1,794
Deposit-deposit patuh Syariah dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen	8	96,967,427	114,038,000
Pendapatan keuntungan belum terima		95,606	137,689
Cukai barang dan perkhidmatan ("CBP") belum terimad	9	54,671,157	58,508,958
Pendapatan sewa belum terima		-	1,214,583
Aset-aset pajakan	10	3,821,000,000	3,821,000,000
JUMLAH ASET		<u>3,972,736,055</u>	<u>3,994,901,024</u>
LIABILITI-LIABILITI			
Ter hutang kepada Pengurus	11	1,616,728	1,478,211
Agihan perlu bayar	1	17,377,768	101,316,482
Peruntukan zakat		2,426,213	2,884,342
Pembiutang dan akruan lain	12	16,400	33,018,400
JUMLAH LIABILITI		<u>121,437,109</u>	<u>138,697,435</u>
NILAI ASET BERSIH ("NAB") DANA		<u>3,851,298,946</u>	<u>3,856,203,589</u>
EKUITI			
Modal pemegang unit	13(a)	3,850,000,000	3,850,000,000
Perolehan tertahan	13(b)	1,298,946	6,203,589
ASET BERSIH YANG BOLEH DIAGIHKAN KEPADA PEMEGANG UNIT			
UNIT DALAM EDARAN (UNIT)	13(a)	<u>3,851,298,946</u>	<u>3,856,203,589</u>
NAB SEUNIT (RM)		<u>1.00</u>	<u>1.00</u>

Nota-nota iringan ini merupakan bahagian penting penyata kewangan interim yang diaudit.

PENYATA PERUBAHAN EKUTI

BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018

	Modal pemegang unit Nota 13(a)	Perolehan terkumpul yang boleh diagihkan Nota 13(b)	Jumlah
	RM	RM	RM
Pada 1 Oktober 2016	3,300,000,000	5,496,783	3,305,496,783
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh kewangan	-	97,935,504	97,935,504
Pewujudan unit	303,038,561	-	303,038,561
Pembatalan unit	(303,038,561)	-	(303,038,561)
Agihan (Nota 14)	-	(100,208,376)	(100,208,376)
Pada 31 Mac 2017	3,300,000,000	3,223,911	3,303,223,911
 Pada 1 Oktober 2017	 3,850,000,000	 6,203,589	 3,856,203,589
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh kewangan	-	112,473,125	112,473,125
Pewujudan unit	285,531,599	-	285,531,599
Pembatalan unit	(285,531,599)	-	(285,531,599)
Agihan (Nota 14)	-	(117,377,768)	(117,377,768)
Pada 31 Mac 2018	3,850,000,000	1,298,946	3,851,298,946

Nota-nota iringan ini merupakan bahagian penting penyata kewangan interim yang diaudit.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018

01.10.2017	01.10.2016
hingga	hingga
31.03.2018	31.03.2017
RM	RM

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN DAN PELABURAN

Pembayaran kepada Penaja untuk aset-aset pajakan (Nota 10)	(33,000,000)	(90,648,792)
Pendapatan keuntungan diterima	953,197	1,657,698
Pendapatan sewa diterima	96,549,003	81,584,020
Hibah diterima	29,000,000	26,500,000
Cukai barang dan perkhidmatan bersih diterima	3,837,802	62,302,680
Yuran Pengurus dibayar	(9,284,735)	(8,277,362)
Yuran Pemegang Amanah dibayar	(500,000)	(500,000)
Pembayaran zakat	(2,884,342)	(3,380,030)
Yuran dan perbelanjaan lain dibayar	(424,945)	(269,985)
Pengurangan jumlah deposit patuh Syariah dengan kematangan asal melebihi 3 bulan	-	14,091,671
Tunai bersih dijana daripada aktiviti kendalian dan pelaburan	<u>84,245,980</u>	<u>83,059,900</u>

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN

Tunai diterima daripada unit diwujudkan	285,531,599	303,038,561
Tunai dibayar bagi unit dibatalkan	(285,531,599)	(303,038,561)
Agihan dibayar kepada pemegang unit	(101,316,482)	(92,606,803)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>(101,316,482)</u>	<u>(92,606,803)</u>

PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA PERMULAAN TEMPOH KEWANGAN TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH KEWANGAN

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:	(17,070,502)	(9,546,903)
Tunai di bank	114,039,794	94,050,867
Deposit patuh Syariah dengan institusi kewangan berlesen dengan kematangan asal kurang daripada 3 bulan (Nota 8)	<u>96,969,292</u>	<u>84,503,964</u>

Nota-nota iringan ini merupakan bahagian penting penyata kewangan interim yang diaudit.	1,865	1,964
Deposit patuh Syariah dengan institusi kewangan berlesen dengan kematangan asal kurang daripada 3 bulan (Nota 8)	96,967,427	84,502,000
	<u>96,969,292</u>	<u>84,503,964</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2018

1. DANA, PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA

Amanah Hartanah Bumiputera (“Dana”) ditubuhkan berikutan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 20 Oktober 2010, Surat Ikatan Tambahan Pertama bertarikh 5 Januari 2011, Surat Ikatan Tambahan Kedua bertarikh 13 Julai 2012, Surat Ikatan Tambahan Ketiga bertarikh 11 September 2013, Surat Ikatan Tambahan Keempat bertarikh 7 Februari 2014 dan Surat Ikatan Tambahan Kelima bertarikh 20 Mac 2015 (secara keseluruhan dirujuk sebagai (“Surat Ikatan”) antara Pengurus, Maybank Asset Management Sdn Bhd (“Maybank AM”), AmanahRaya Trustees Berhad (“Pemegang Amanah”) dan Pelaburan Hartanah Berhad (“Penaja”).

Dana ini bertujuan untuk menyediakan pemegang unit dengan aliran pendapatan tetap dan konsisten di samping memelihara modal para pemegang unit. Untuk mencapai matlamat pelaburannya, Dana melabur sekurang-kurangnya 34% daripada nilai aset bersih pada kos (“VOF”) terutamanya dalam pemilikan benefisial harta tanah di Malaysia yang dibeli daripada Penaja atau sekutu-sekutunya melalui pengaturan jualan dan pajakan semula (merujuk kepada “aset-aset pajakan”) dan aset-aset pajakan ini disahkan oleh Panel Penasihat Syariah Dana sebagai patuh Syariah. Aset-aset pajakan adalah khususnya harta tanah komersial termasuk tetapi tidak terhad kepada bangunan pejabat, kompleks membeli-belah, pusat komersial, logistik dan kompleks perindustrian.

Untuk memastikan pendapatan tetap, aset-aset pajakan ini dipajak kembali kepada Penaja (dalam kapasiti Penaja atau sebagai peguam kepada sekutu-sekutu) dan sewa dibayar kepada Dana oleh Penaja mengikut terma dan syarat kontrak pajakan. Pengurus memastikan penilaian ketat dijalankan oleh Panel Penasihat untuk memastikan pendapatan sewa adalah patuh Syariah. Dana turut melabur dalam instrumen pasaran wang patuh Syariah selebih-lebihnya 66% daripada VOF dan instrumen setara serta memegang wang tunai bagi memenuhi keperluan mudah tunainya.

Semua pelaburan adalah tertakluk kepada Garis Panduan Unit Amanah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“SC”), keperluan-keperluan SC dan Surat Ikatan, kecuali terdapat pengecualian-pengecualian atau variasi-variasi yang telah diluluskan oleh SC, dasar dan prosedur dalaman dan objektif Dana.

Dana memulakan operasinya pada 24 November 2010 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah sebagaimana yang diperuntukkan di Bahagian 12 Surat Ikatannya.

1. DANA, PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA (SAMB.)

Penaja Dana, Pelaburan Hartanah Berhad, adalah anak syarikat milik penuh Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (“YAHB”), dan diperbadankan di Malaysia pada 8 Mei 2006. Penaja, sebagai cabang operasi YAHB, ditubuhkan dengan objektif untuk meningkatkan pemilikan dan penyertaan bumiputera dalam hartanah komersial.

Pengurus Dana ialah Maybank AM, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Ia merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (“CMSL”) dengan pengurusan dana sebagai aktiviti terkawalnya di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (“CMSA”). Lokasi utama perniagaan bagi Pengurus Dana adalah di Tingkat 12, Menara C Dataran Maybank, No. 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. Maybank AM adalah syarikat milik penuh kepada Maybank Asset Management Group Berhad (“MAMG”), sebuah syarikat yang dikuasai secara 100% oleh Malayan Banking Berhad (“MBB”).

Maybank AM telah melantik Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd (“MIAM”) sebagai pengurus dana luar untuk pengurusan Dana. MIAM adalah syarikat milik penuh MAMG dan merupakan pemegang CMSL untuk menjalankan pengurusan dana berlandaskan Syariah di bawah Seksyen 61 Akta CMSA. Tugas dan tanggungjawab MIAM termasuk pengurusan portfolio menurut objektif pelaburan, tertakluk kepada CMSA dan Garis Panduan Unit Amanah yang di keluarkan oleh SC dan garis panduan yang berkaitan yang telah di keluarkan oleh SC dan juga terma dan syarat perjanjian pengurusan pelaburan diantara MIAM dan Maybank AM.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Dana telah disediakan berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”) yang dikeluarkan oleh Lembaga Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa (“IASB”) dan Garis Panduan Dana Unit Amanah yang berkenaan yang dikeluarkan oleh SC, diolah dengan pengecualian-pengecualian dan variasi-variasi spesifik yang telah diluluskan oleh SC.

Dana telah pun menggunakan MFRS, pindaan-pindaan pada piawaian dan terjemahan-terjemahan oleh Jawatankuasa Pentafsiran IFRS yang telah menjadi efektif pada tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2017. Penggunaan piawaian-piawaian di atas tidak memberikan kesan yang ketara terhadap laporan kewangan ini.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.1 Asas penyediaan (Samb.)

Penyata kewangan disediakan berasaskan kos sejarah kecuali seperti yang dinyatakan dalam dasar perakaunan di Nota 2.3 hingga Nota 2.18. Penyata kewangan adalah dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”).

Penyata kewangan ini telah diluluskan bagi pembentangan oleh Lembaga Pengarah Pengurus selaras dengan resolusi para pengarah pada 21 Mei 2018.

2.2 Piawaian dan pindaan yang diterbitkan tetapi belum lagi efektif

Berikut adalah piawaian-piawaian dan pindaan-pindaan terhadap piawaian yang telah dikeluarkan oleh MASB tetapi masih belum diguna pakai oleh Dana pada tarikh penyata kewangan ini dikeluarkan. Dana berhasrat untuk menerima pakai piawaian yang berkaitan apabila ia menjadi efektif.

Efektif pada
awal atau
selepas tempoh
tahunan

Deskripsi

MFRS 2 Bayaran Berasaskan Saham - Klasifikasi dan Pengukuran Transaksi Bayaran Berasaskan Saham (Pindaan kepada MFRS 2)	1 Januari 2018
MFRS 9 Instrumen Kewangan (IFRS 9 diterbitkan oleh IASB pada Julai 2014)	1 Januari 2018
MFRS 9 Ciri-ciri Pra-pembayaran dengan pampasan negatif (Pindaan kepada MFRS 9)	1 Januari 2019
MFRS 15 Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan	1 Januari 2018
MFRS 16 Pajakan	1 Januari 2019
MFRS 128 Kepentingan Jangka Panjang dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama (Pindaan kepada MFRS 128)	1 Januari 2019
Penambahbaikan Tahunan Kitaran MFRS 2014 - 2016	
(i) Pindaan kepada MFRS 1 Penerimaan Pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa Pertama Kali	1 Januari 2018
(ii) Pindaan kepada MFRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	1 Januari 2018
MFRS 140 Pindahan Harta Pelaburan (Pindaan kepada MFRS 140)	1 Januari 2018
IC Pentafsiran 22 urusniaga Mata Wang Asing dan Pertimbangan Pendahuluan	1 Januari 2018
IC Pentafsiran 23 Ketidakpastian Mengenai Pengolahan Cukai Pendapatan	1 Januari 2019
Penambahbaikan Tahunan Kitaran MFRS 2015-2017	
(i) Pindaan kepada MFRS 3 Kombinasi Perniagaan dan MFRS 11 Pengaturan Bersama	1 Januari 2019
(ii) Pindaan kepada MFRS 112 Cukai Pendapatan	1 Januari 2019
(iii) Pindaan kepada MFRS 123 Kos Pinjaman	1 Januari 2019
MFRS 10 Penyata Kewangan Disatukan - Penjualan atau Sumbangan di antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama (Pindaan kepada MFRS 10)	Akan diumumkan oleh MASB
MFRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama- Penjualan atau Sumbangan Aset di antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama (Pindaan kepada MFRS 128)	Akan diumumkan oleh MASB

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Piawaian dan pindaan yang diterbitkan tetapi belum lagi efektif (Samb.)

Dana menjangkakan bahawa penggunaan piawaian, pindaan dan pentafsiran di atas tidak akan memberi kesan material ke atas penyata kewangan Dana dalam tempoh awal penggunaannya melainkan yang dinyatakan di bawah:

(i) MFRS 9 Instrumen Kewangan

MFRS 9 akan menggantikan MFRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran ("MFRS 139"). MFRS 9 memerlukan aset kewangan dikelaskan berdasarkan model perniagaan di mana ia dipegang dan berdasarkan ciri-ciri aliran tunai kontrak aset kewangan tersebut.

Dana akan mengelaskan aset kewangannya dalam kategori-kategori seperti berikut:

- pengukuran berdasarkan nilai saksama, dan
- pengukuran berdasarkan kes terlunas.

Tiada akan terdapat perubahan terhadap pengukuran pada aset kewangan ini.

MFRS 9 memerlukan pentaksiran rosot nilai akan berdasarkan model kerugian kredit yang dijangka, menggantikan model kerugian ditanggung MFRS 139. Model kerugian kredit yang dijangka ini digunakan pada aset kewangan diukur pada kos terlunas.

Pengurus bercadang untuk menerima pakai MFRS 9 pada 1 Oktober 2018. Penggunaan piawaian dijangka tidak akan memberi kesan material ke atas penyata kewangan Dana.

(ii) MFRS 15 Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan

MFRS 15 menetapkan model lima langkah baru yang akan digunakan bagi pendapatan yang dihasilkan daripada kontrak dengan pelanggan. Di bawah MFRS 15, pendapatan diiktiraf pada jumlah yang mencerminkan pertimbangan yang mana entiti dijangka mempunyai hak dalam pertukaran untuk memindahkan barang atau perkhidmatan kepada pelanggan. Prinsip dalam MFRS 15 menyediakan pendekatan yang lebih berstruktur (iaitu model lima langkah) untuk mengukur dan mengiktiraf pendapatan. Model lima langkah yang akan dipakai bagi pengiktirafan pendapatan di bawah MFRS 15 adalah seperti berikut:

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Piawaian dan pindaan yang diterbitkan tetapi belum lagi efektif (Samb.)

(ii) MFRS 15 Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan (Samb.)

- (1) Kenal pasti kontrak dengan pelanggan;
- (2) Mengenal pasti obligasi pelaksanaan mengikut kontrak;
- (3) Tentukan harga transaksi;
- (4) Memperuntukkan harga transaksi serata dengan obligasi pelaksanaan mengikut kontrak; dan
- (5) Mengiktiraf pendapatan apabila entiti memenuhi obligasi pelaksanaan.

Piawaian ini memerlukan entiti untuk membuat penghakiman, dengan mengambil kira semua fakta dan keadaan yang relevan apabila mempraktikkan setiap langkah model untuk kontrak dengan pelanggan mereka. Piawaian ini juga menentukan cara untuk mengambil kira kos tambahan untuk mendapatkan kontrak dan kos yang berkaitan secara langsung untuk memenuhi kontrak. Keperluan pendedahan baru kontrak di bawah MFRS 15 termasuk maklumat berasingan tentang pendapatan dan obligasi pelaksanaan di dalam kontrak yang belum dipenuhi pada tarikh pelaporan.

Piawaian hasil baru adalah boleh digunakan kepada semua entiti dan akan menggantikan semua keperluan pengiktirafan pendapatan semasa di bawah MFRS (termasuk MFRS 111 Kontrak Pembinaan, MFRS 118 Hasil, Tafsiran IC 13 Program Kesetiaan Pelanggan, Tafsiran IC 15 Perjanjian untuk Pembinaan Hartanah, Tafsiran IC 18 Pindahan Aset daripada Pelanggan dan Tafsiran IC 131 Hasil - urusniaga Barter yang Melibatkan Perkhidmatan Pengiklanan). Sama ada penggunaan retrospektif penuh atau aplikasi retrospektif yang diubahsuai diperlukan bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018. Penggunaan awal adalah dibenarkan.

Pengurus bercadang untuk menerima pakai MFRS 15 pada 1 Oktober 2018. Penggunaan piawaian dijangka tidak akan memberi kesan makmal ke atas pernyata kewangan Dana.

(iii) MFRS 16 Pajakan

MFRS 16 Pajakan menggantikan MFRS 117 Pajakan dan tafsiran yang berkaitan.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.2 Piawaian dan pindaan yang diterbitkan tetapi belum lagi efektif (Samb.)

(iii) MFRS 16 Pajakan (Samb.)

Di bawah MFRS 16, pajakan adalah kontrak (atau sebahagian daripada kontrak) yang memberikan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti dalam satu tempoh masa dengan penukaran ganjaran.

MFRS 16 menghapuskan pengelasan pajakan oleh penerima pajak sama ada sebagai pajakan kewangan (atas penyata kedudukan kewangan) atau pajakan operasi (di luar penyata kedudukan kewangan). MFRS 16 memerlukan penerima pajak untuk mengenali "hak penggunaan" aset sandaran dan liabiliti pajakan mencerminkan bayaran pajakan masa depan bagi kebanyakan pajakan.

Aset hak-untuk-mengguna disusunnilaikan mengikut prinsip dalam MFRS 116 Hartanah, Loji dan Peralatan dan liabiliti pajakan ditambah dari masa ke masa dengan perbelanjaan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Bagi pemberi pajak, MFRS 16 mengekalkan sebahagian besar keperluan dalam MFRS 117. Pemberi pajak terus mengklasifikasikan semua pajakan sama ada sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan dan akaun untuk mereka dengan sewajarnya.

Pengurus bercadang untuk menerima pakai MFRS 16 pada 1 Oktober 2019. Penggunaan piawaian dijangka tidak akan memberi kesan makmal ke atas penyata kewangan Dana.

2.3 Aset kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan, apabila, dan hanya apabila, Dana menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan tersebut. Apabila aset kewangan mula-mula diiktiraf, ia diukur pada nilai saksama, lagipun, dalam keadaan dimana aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL"), kos urusniaga yang boleh dikaitkan secara langsung.

Dana mengklasifikasikan aset kewangannya pada pengiktirafan awal, dan kategori yang terpakai kepada Dana ini hanyalah pembiayaan dan belum terima.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Aset kewangan

(i) Pembiayaan dan belum terima

Klasifikasi

Aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif diklasifikasikan sebagai pembiayaan dan belum terima. Aset kewangan yang dikelaskan dalam kategori ini terdiri daripada tunai di bank, deposit-deposit patuh Syariah dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen, pendapatan keuntungan belum terima dan pendapatan sewa belum terima.

Pengiktirafan dan pengukuran

Selepas pengiktirafan awal, pembiayaan dan belum terima diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung dan rugi apabila pembiayaan dan belum terima berkenaan dinyahiktirafkan atau dirosot nilai, dan melalui proses pelunasan.

2.4 Penyahiktirafan aset kewangan

Aset kewangan akan dinyahiktirafkan bila:

- (1) Hak-hak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah tamat tempoh; atau
- (2) Dana telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan atau menganggap kewajipan untuk membayar aliran tunai diterima sepenuhnya tanpa kelewatan kepada pihak ketiga di bawah pengaturan serah-semua; dan sama ada:
 - Dana telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset; atau
 - Dana tidak memindahkan mahu pun mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset, tetapi telah memindahkan kawalan aset kewangan.

Apabila tiada pengiktirafan terhadap aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan antara jumlah kos dibawa dan jumlah pertimbangan yang diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, jika ada, diiktiraf dalam untung atau rugi.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.5 Rosot nilai aset kewangan

Pengurus membuat penilaian pada setiap tarikh pelaporan Dana sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa sesebuah aset kewangan Dana itu telah mengalami kerosotan.

(i) Pembiayaan dan belum terima

Bagi menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai pada aset kewangan telah ditanggung, Dana mempertimbangkan faktor seperti kebarangkalian insolvensi atau kesukaran kewangan penghutang yang ketara dan kemungkinan membayar atau kelewatan yang ketara dalam pembayaran.

Sekiranya terdapat sebarang bukti sedemikian, amaun kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun dibawa aset dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan terdiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut. kerugian rosot nilai ini diiktiraf dalam untung atau rugi.

Amaun dibawa aset kewangan tersebut dikurangkan oleh kerugian rosot nilai secara langsung bagi semua aset kewangan kecuali aset pajakan, di mana amaun dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Apabila perdagangan belum terima tidak boleh dipungut semula, ia dihapus kira terhadap akaun elaua.

Jika dalam tempoh berikutnya, amaun kerugian rosot nilai berkurangan dan penurunan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas rosotan nilai itu diiktiraf, kerugian rosot nilai yang telah diiktiraf sebelumnya ditarikbalikkan setakat mana amaun dibawa aset tersebut tidak melebihi kos terlunasnya pada tarikh penarikbalikan. Amaun yang ditarikbalikkan ini diiktiraf dalam untung atau rugi.

2.6 Liabiliti kewangan

Klasifikasi

Liabiliti kewangan dikelaskan mengikut kandungan pengaturan berkontrak yang ditandatangani dan takrif liabiliti kewangan.

Dana mengelaskan jumlah terhutang kepada Pengurus, agihan perlu bayar dan pelbagai pembiayaan dan akruan lain sebagai liabiliti kewangan.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.6 Liabiliti kewangan (Samb.)

Pengiktirafan dan pengukuran

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Dana menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan Dana diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama serta kos urusniaga yang berkaitan secara langsung dan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

Liabiliti kewangan dinyahiktirafkan apabila obligasi di bawah liabiliti dilunaskan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam penyata untung atau rugi apabila liabiliti dinyahiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

2.7 Pengukuran nilai saksama

Dana mengukur instrumen kewangannya pada nilai saksama, pada setiap tarikh pelaporan. Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urusniaga teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan anggapan bahawa transaksi untuk menjual aset atau pemindahan liabiliti berlaku sama ada:

- (i) Dalam pasaran utama untuk aset atau liabiliti; atau
- (ii) Jika ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran paling menguntungkan untuk aset atau liabiliti.

Pasaran utama atau paling menguntungkan mesti boleh diakses oleh Dana.

Nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti diukur dengan menggunakan andaian yang akan digunakan oleh para peserta pasaran apabila harga aset atau liability, dengan anggapan bahawa peserta pasaran bertindak dalam kepentingan ekonomi mereka.

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan tertinggi dan terbaik atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran yang lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan tertinggi dan terbaik.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau didekahkan di dalam penyata kewangan ini dikategorikan dalam

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.7 Pengukuran nilai saksama (Samb.)

hierarki nilai saksama, yang digambarkan seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang dikira penting kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- (i) Aras 1 - Disebut harga (tidak dilaras) harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.
- (ii) Aras 2 - Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang dikira penting kepada ukuran nilai saksama secara langsung atau tidak langsung adalah boleh diperhatikan.
- (iii) Aras 3 - Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang dikira penting kepada pengukuran nilai saksama tidak boleh diperhatikan.

Bagi aset dan liabiliti kewangan yang diiktiraf di dalam penyata kewangan ini secara berulang, Dana menentukan sama ada pemindahan telah berlaku diantara tahap dalam hierarki dengan menilai semula kategori (berdasarkan input paras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama sebagai menilai semula keseluruhan) pada akhir setiap tarikh pelaporan.

Bagi tujuan pendedahan nilai saksama, Dana telah menentukan kelas aset dan liabiliti berdasarkan sifat, ciri-ciri dan risiko aset atau liabiliti dan tahap hierarki nilai saksama seperti yang dijelaskan di atas.

2.8 Pajakan

Dana sebagai pemberi pajak

Dana ini telah membeli harta tanah untuk tujuan benefisial dengan pengaturan jualan dan pajakan semula dengan Penaja. Pendapatan sewa direkod sebagai hasil daripada tema dan syarat kontrak pajakan.

2.9 Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan Dana diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Dana tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang juga merupakan mata wang fungsian Dana.

2.10 Modal pemegang unit

Sumbangan pemegang-pemegang unit kepada Dana adalah

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.10 Modal pemegang unit (Samb.)

memenuhi kriteria untuk diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti di bawah MFRS 132 "Instrumen Kewangan: Pembentangan". Kriteria tersebut termasuk:

- (i) unit memberi hak kepada pemegangnya kepada bahagian kadar penuh dalam NAB Dana;
- (ii) unit adalah kelas yang paling subordinat dan ciri kelas adalah sama;
- (iii) tidak ada obligasi berkontrak untuk menyampaikan wang tunai atau aset kewangan lain selain obligasi ke atas Dana untuk membeli semula; dan
- (iv) jumlah aliran tunai yang dijangka daripada unit sepanjang hayatnya adalah berdasarkan keuntungan atau kerugian Dana.

Baki unit adalah dibawa pada amaun penebusan yang perlu bayar pada setiap tahun kewangan jika pemegang unit melaksanakan hak untuk meletakkan unit tersebut kembali ke Dana.

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada harga berdasarkan NAB seunit Dana pada masa pewujudan atau pembatalan. NAB seunit Dana dikira dengan membahagikan aset bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang unit dengan jumlah bilangan unit dalam edaran.

Penyamaan agihan mewakili purata amaun boleh agih termasuk dalam pewujudan dan pembatalan harga unit. Amaun ini akan dipulangkan semula kepada pemegang unit melalui agihan dan/atau dilaraskan sewajarnya apabila unit dibatalkan.

2.11 Pengagihan

Sebarang agihan kepada pemegang unit Dana dikira sebagai potongan daripada rizab direalisasi melainkan di mana agihan didapatkan daripada penyamaan agihan yang dikira sebagai potongan daripada modal pemegang unit. Cadangan agihan diiktiraf sebagai liabiliti dalam tempoh di mana ia diluluskan.

2.12 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di bank dan deposit patuh Syariah dengan institusi kewangan dengan kadar matang asal 3 bulan atau kurang yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.13 Pendapatan keuntungan

Pendapatan keuntungan daripada deposit patuh Syariah diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan yang manfaat ekonomi akan mengalir kepada Dana dan pendapatan boleh diukur dengan pasti. Pendapatan keuntungan diukur pada nilai saksama balasan yang diterima atau akan diterima. Pendapatan daripada deposit diiktiraf menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

2.14 Cukai pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka boleh didapatkan semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira amaun tersebut adalah kadar dan undang-undang yang digubal atau digubal secara substantif menjelang tarikh pelaporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung dan rugi kecuali setakat mana cukai berkaitan item diiktiraf luar untung dan rugi, sama ada pendapatan komprehensif lain atau terus dalam ekuiti. Perbelanjaan cukai pendapatan semasa dikira berdasarkan undang-undang percukaian Malaysia pada kadar cukai semasa kepada untung boleh cukai yang diperoleh semasa tahun kewangan terkini.

Tiada cukai tertunda diiktiraf memandangkan tidak terdapat perbezaan sementara yang ketara.

2.15 Maklumat segmen

Segmen operasi yang dilaporkan dalam cara yang konsisten dengan pelaporan dalaman yang digunakan oleh ketua operasi pembuat keputusan. Ketua pembuat keputusan operasi dan Penaja sebagai penasihat, bertanggungjawab bagi pelaksanaan peruntukan sumber dan menilai segmen kendalian.

2.16 Zakat

Dana mengiktiraf kewajipannya terhadap pembayaran zakat perniagaan. Zakat untuk tahun kewangan semasa diiktiraf apabila Dana mempunyai obligasi zakat semasa hasil penilaian zakat. Peruntukan zakat dikira berdasarkan kaedah "Aset Bersih Dilaraskan", pada 2.50%. Asnaf zakat ditentukan oleh Pengurus dan Penaja sebagai penasihat, dengan kelulusan Panel Penasihat Syariah Dana.

2.17 Hibah diterima

Hibah diterima daripada Penaja diiktiraf atas asas penerimaan.

2. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.18 Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting

Dana ini membuat anggaran dan andaian mengenai masa hadapan. Anggaran perakaunan yang terhasil akan, mengikut definisi, jarang menyamai keputusan sebenar yang berkaitan. Bagi meningkatkan kandungan maklumat terhadap anggaran, beberapa pemboleh ubah penting yang dijangka memberi kesan ketara kepada keputusan Dana dan kedudukan kewangan diuji untuk kepekaan terhadap perubahan dalam parameter asas.

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan oleh Pengurus dan adalah berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah mengikut keadaan.

3. MAKLUMAT SYARIAH DANA

Panel Penasihat Syariah Dana mengiktiraf bahawa portfolio pelaburan Dana sepanjang tempoh berakhir 31 Mac 2018 adalah patuh Syariah.

4. YURAN PENGURUS

Bermula 1 Januari 2016 hingga 31 Mac 2016, yuran Pengurus dikira berdasarkan 0.80% setahun daripada NAB Dana sebelum menolak yuran Pengurus dan yuran Pemegang Amanah untuk hari tersebut.

Bermula 1 April 2016 hingga 14 September 2017, yuran Pengurus telah diubah dan dikira setiap hari berdasarkan 0.50% setahun daripada NAB Dana sebelum menolak yuran Pengurus dan yuran Pemegang Amanah untuk hari tersebut.

Mulai 15 September 2017, yuran Pengurus telah diubah semula dan dikira setiap hari berdasarkan 0.50% setahun bagi RM3.30 bilion pertama Dana dan 0.40% setahun bagi VOF Dana melebihi RM3.30 bilion sebelum menolak yuran Pengurus dan yuran Pemegang Amanah untuk hari tersebut.

5. YURAN PEMEGANG AMANAH

Yuran Pemegang Amanah dikira secara harian pada kadar sehingga 0.05% setahun (01.10.2016 hingga 31.03.2017: 0.05%) daripada VOF Dana sebelum menolak yuran Pengurus dan yuran Pemegang Amanah untuk hari tersebut tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM500,000 setahun.

6. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN

	01.10.2017 hingga 31.03.2018	01.10.2016 hingga 31.03.2017
	RM	RM
Perbelanjaan cukai bagi tempoh kewangan:		
Perbelanjaan cukai pendapatan semasa	-	-

Cukai pendapatan dikira pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 24% (01.10.2016 hingga 31.03.2017: 24%) daripada anggaran pendapatan boleh bayar untuk tempoh kewangan.

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan yang dikenakan ke atas pendapatan bersih sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan efektif adalah seperti berikut:

	01.10.2017 hingga 31.03.2018	01.10.2016 hingga 31.03.2017
	RM	RM
Keuntungan bersih sebelum cukai	112,473,125	97,935,504
Cukai pada kadar berkanun Malaysia sebanyak 24% (01.10.2016 hingga 31.03.2017 : 24%)	26,993,550	23,504,521
Kesan pendapatan lain yang tidak tertakluk kepada cukai	(30,058,928)	(26,292,659)
Kesan perbelanjaan tidak dibenarkan untuk tujuan cukai	3,065,378	2,788,138
Perbelanjaan cukai untuk tempoh kewangan	-	-

Dana telah diberikan status pengecualian cukai ke atas semua pendapatan yang diperolehi dalam tempoh 10 tahun bermula pada tahun taksiran 2010 hingga 2019 berikutan kelulusan yang telah diberikan oleh Kementerian Kewangan di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

7. PERBELANJAAN ZAKAT

	01.10.2017 hingga 31.03.2018	01.10.2016 hingga 31.03.2017
	RM	RM
Perbelanjaan zakat	2,426,213	2,511,132

7. PERBELANJAAN ZAKAT (SAMB.)

Kadar zakat perniagaan ialah 2.50% daripada amaun asas zakat. Asas zakat Dana ditentukan berdasarkan lebihan aset semasa berbanding liabiliti semasa dan aset dan liabiliti bukan operasi tertentu. Zakat perniagaan dikira dengan mandarab kadar zakat dengan asas zakat. Jumlah zakat yang dinilai diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tempoh kewangan dimana ia ditanggung.

8. DEPOSIT-DEPOSIT PATUH SYARIAH DENGAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN YANG BERLESEN

	31.03.2018	30.09.2017
	RM	RM
Deposit-deposit patuh Syariah di institusi-institusi kewangan yang berlesen dengan tempoh kematangan:		
- kurang daripada 3 bulan	96,967,427	114,038,000
	<hr/>	<hr/>
	31.03.2018	30.09.2017
	Purata	Purata
	WAEPR	WAEPR
	kematangan	kematangan
	% p.a.	% p.a.
	hari	hari
Deposit-deposit patuh Syariah dengan institusi-institusi kewangan berlesen dengan tempoh kematangan:		
- kurang daripada 3 bulan	3.35	13
	3.28	15

9. CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (“CBP”) BELUM TERIMA

Cukai barang dan perkhidmatan (“CBP”) belum terima berkaitan dengan pengaturan jualan dan pajakan semula antara Pemegang Amanah bagi pihak Dana dengan Penaja untuk pengambilalihan pemilikan benefisial dalam aset-aset pajakan baru dalam tempoh kewangan semasa dan tahun kewangan sebelumnya.

Berikutnya dengan akhir tempoh kewangan, Dana telah menerima RM23.2 juta pada 11 April 2018 dan RM32.3 juta pada 27 April 2018.

10. ASET-ASET PAJAKAN

Aset-aset pajakan yang dipegang oleh Dana setakat tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

	31.03.2018	30.09.2017
Deskripsi aset-aset pajakan	RM	RM
Menara Prisma	260,000,000	260,000,000

10. ASET-ASET PAJAKAN (SAMB.)

Deskripsi aset-aset pajakan (Samb.)	31.03.2018 RM	30.09.2017 RM
CP Tower	175,000,000	175,000,000
Logistics Warehouse	95,000,000	95,000,000
Tesco Setia Alam	95,000,000	95,000,000
Wisma Conplant	155,000,000	155,000,000
Peremba Square	149,000,000	149,000,000
Blok C, Peremba Square	20,000,000	20,000,000
DEMC Specialist Hospital	87,000,000	87,000,000
Jaya 33	200,000,000	200,000,000
Menara BT	165,000,000	165,000,000
Menara Sapura Kencana	250,000,000	250,000,000
One Precinct Pulau Pinang	120,000,000	120,000,000
The Shore	180,000,000	180,000,000
1 Sentrum	200,000,000	200,000,000
Nu Sentral	600,000,000	600,000,000
Blok B, Gleneagles Hospital	120,000,000	120,000,000
Quill 18	400,000,000	400,000,000
Empire Shopping Gallery	420,000,000	420,000,000
Blok H, Empire City	130,000,000	130,000,000
	<u>3,821,000,000</u>	<u>3,821,000,000</u>

11. TERHUTANG KEPADA PENGURUS

	31.03.2018 RM	30.09.2017 RM
Yuran pengurus perlu bayar	<u>1,616,728</u>	<u>1,478,211</u>

Amaun ini berkaitan dengan jumlah yang perlu bayar kepada Pengurus yang timbul daripada akruan yuran Pengurus pada akhir tempoh kewangan. Tempoh kredit biasa dengan bayaran Pengurus adalah 15 hari (01.10.2016 to 31.03.2017: 15 hari).

12. PEMIUTANG DAN AKRUAN LAIN

	31.03.2018 Nota	30.09.2017 RM
Terhutang kepada ejen percuaian	9,600	4,800
Terhutang kepada juruaudit luaran	6,800	13,600
Terhutang kepada Penaja	(i) -	33,000,000
	<u>16,400</u>	<u>33,018,400</u>

12. PEMIUTANG DAN AKRUAN LAIN (SAMB.)

- (i) Amaun ter hutang kepada Penaja adalah berkaitan dengan baki pemilikan benefisial di dalam aset pajakan baru yang diperoleh daripada Penaja dalam tempoh kewangan semasa dan sebelumnya. Amaun yang ter hutang kepada Penaja untuk tempoh kewangan sebelumnya telah dibayar dengan sewajarnya oleh Dana semasa tempoh kewangan semasa.

13. JUMLAH EKUITI

	Nota	31.03.2018 RM	30.09.2017 RM
Modal pemegang unit	(a)	3,850,000,000	3,850,000,000
Perolehan tertahan yang boleh diagihkan	(b)	1,298,946	6,203,589
		<u>3,851,298,946</u>	<u>3,856,203,589</u>

(a) Modal pemegang unit

	31.03.2018		30.09.2017	
	Bilangan unit	RM	Bilangan unit	RM
Pada permulaan tempoh/tahun kewangan	3,850,000,000	3,850,000,000	3,300,000,000	3,300,000,000
Pewujudan unit	285,531,599	285,531,599	875,234,352	875,234,352
Pembatalan unit	(285,531,599)	(285,531,599)	(325,234,352)	(325,234,352)
Pada akhir tahun/tempoh kewangan	<u>3,850,000,000</u>	<u>3,850,000,000</u>	<u>3,850,000,000</u>	<u>3,850,000,000</u>

Pada akhir tempoh kewangan, Pengurus tidak memegang unit dalam Dana (30.09.2017: Tiada). Jumlah dan nilai unit yang dipegang secara sah atau secara benefisial oleh pihak berkaitan pada akhir tempoh/tahun kewangan adalah seperti berikut:

	31.03.2018		30.09.2017	
	Bilangan unit	RM	Bilangan unit	RM
Penaja	255,621,313	255,621,313	541,858,911	541,858,911

(b) Perolehan tertahan yang boleh diagihkan

	31.03.2018	30.09.2017
	RM	RM
Pada permulaan tempoh/tahun kewangan	6,203,589	5,496,783
Pendapatan bersih terealisasi bagi tahun kewangan	112,473,125	202,231,664
Agihan dari rizab terealisasi (Nota 14)	(117,377,768)	(201,524,858)
Pada akhir tempoh/tahun kewangan	<u>1,298,946</u>	<u>6,203,589</u>

14. PENGAGIHAN

Pengagihan kepada pemegang unit yang diisyiharkan adalah daripada sumber berikut:

	01.10.2017	01.10.2016
	31.03.2018	30.09.2017
	RM	RM
Pendapatan keuntungan	900,591	1,420,378
Pendapatan sewa	94,233,408	78,898,379
Hibah diterima	28,665,081	25,627,654
Pendapatan terealisasi tahun kewangan sebelum *	6,203,589	5,496,783
Tolak:		
Perbelanjaan	(10,226,708)	(8,806,349)
Perbelanjaan zakat	(2,398,193)	(2,428,469)
Agihan bagi tempoh kewangan (Nota 13(b))	117,377,768	100,208,376

* Sebahagian daripada pengagihan dalam tempoh kewangan semasa dibuat daripada pendapatan bersih tahun sebelumnya.

Pengagihan kasar dan bersih diisyiharkan pada tarikh-tarikh berikut:

	Agihan kasar/bersih seunit (sen)
31.03.2018	
31 Mac 2018	<u>3.10</u>
31.03.2017	
31 Mac 2017	<u>3.10</u>

15. URUSNIAGA DENGAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN YANG BERLESEN

Butiran urusniaga, terutamanya deposit patuh Syariah dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen sepanjang tempoh kewangan semasa dan sebelumnya adalah seperti berikut:

	01.10.2017	01.10.2016
	hingga	hingga
	31.03.2018	31.03.2017
	Peratusan	Peratusan
	Nilai	Nilai
	Jumlah	Jumlah
	urusniaga	urusniaga
	RM	%
AmBank Islamic Berhad	-	17,000,000
Bank Islam Malaysia Berhad	15,000,000	0.35

15. URUSNIAGA DENGAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN YANG BERLESEN (SAMB.)

	01.10.2017 hingga 31.03.2018	Peratusan urusniaga %	01.10.2016 hingga 31.03.2017	Peratusan urusniaga %
	Nilai urusniaga RM	jumlah urusniaga	Nilai urusniaga RM	jumlah urusniaga
Bank Muamalat Malaysia Berhad	-	-	34,247,666	0.91
Hong Leong Islamic Bank Berhad	-	-	688,225,388	18.23
KAF Investment Bank Berhad	40,025,699	0.95	-	-
Maybank Islamic Berhad *	3,114,354,000	73.57	2,955,006,000	78.27
Public Islamic Bank Berhad	1,063,994,881	25.13	30,146,000	0.80
RHB Islamic Bank Berhad	-	-	50,938,000	1.34
	<u>4,233,374,580</u>	<u>100.00</u>	<u>3,775,563,054</u>	<u>100.00</u>

* Maybank Islamic Berhad merupakan anak syarikat Malayan Banking Berhad, syarikat induk mutlak Pengurus Dana.

16. TRANSAKSI DAN BAKI DENGAN PIHAK-PIHAK BERKAITAN

Bagi tujuan penyata kewangan ini, sesuatu pihak adalah dianggap berkaitan dengan Dana, Pengurus atau Penaja jika Dana, Pengurus atau Penaja mempunyai keupayaan secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal pihak tersebut atau mempunyai pengaruh signifikan terhadap pihak tersebut dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana Dana, Pengurus atau Penaja dan pihak tersebut tertakluk kepada kawalan umum atau pengaruh ketara yang sama. Pihak-pihak berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Sebagai tambahan kepada maklumat pihak berkaitan yang dinyatakan di bahagian lain penyata kewangan, berikut adalah urusniaga dan baki yang dimiliki Dana dengan pihak yang berkaitan:

16. TRANSAKSI DAN BAKI DENGAN PIHAK-PIHAK BERKAITAN (SAMB.)

- (a) urusniaga signifikan dengan pihak-pihak yang berkaitan

	01.10.2017	01.10.2016
	hingga	hingga
	31.03.2018	31.03.2017
	RM	RM
Maybank Islamic Berhad:		
Pendapatan keuntungan	549,167	887,221
Pelaburan Hartanah Berhad:		
Pendapatan sewa	95,334,420	81,584,020
Hibah diterima	29,000,000	52,500,000
	<u>124,334,420</u>	<u>134,084,020</u>

- (b) Baki dengan pihak-pihak berkaitan

	31.03.2018	31.03.2017
	RM	RM
Maybank Islamic Berhad:		
Tunai di bank	1,865	1,794
Deposit-deposit patuh Syariah	36,895,000	114,038,000
Pendapatan keuntungan belum terima	84,909	137,689
	<u>36,981,774</u>	<u>114,177,483</u>
Pelaburan Hartanah Berhad:		
Pendapatan sewa belum terima	-	1,214,583
	<u>-</u>	<u>1,214,583</u>

Pengurus berpendapat bahawa urusniaga dengan pihak-pihak yang berkaitan telah dijalankan dalam urusniaga biasa dan telah diwujudkan atas terma dan syarat yang tidak mempunyai perbezaan yang ketara dengan urusniaga yang dilakukan dengan pihak-pihak yang tidak berkaitan.

17. NISBAH BELANJA PENGURUSAN (“NBP”)

NBP Dana adalah nisbah jumlah yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Dana kepada purata NAB Dana yang dikira secara harian. Yuran dan perbelanjaan termasuk yuran Pengurus, yuran Pemegang Amanah, imbuhan juruaudit, yuran ejen cukai dan perbelanjaan pentadbiran lain. Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2018, NBP Dana berada pada 0.27% (01.10.2016 to 31.03.2017 : 0.55%).

18. NISBAH PUSING GANTI PORTFOLIO (“NPGP”)

Memandangkan Dana ini dilaburkan dalam pemilikan benefisial aset-aset pajakan, NPGP adalah tidak berkenaan ke atas Dana.

19. MAKLUMAT SEGMENT

Jawatankuasa Pengurusan Portfolio ("PMC") Pengurus, yang merupakan pembuat keputusan utama operasi, dengan nasihat pihak Penaja, membuat keputusan strategik mengenai peruntukan sumber Dana. Keputusan berdasarkan strategi pelaburan bersepadu untuk memastikan Dana mencapai pulangan yang disasarkan dengan tahap risiko yang boleh diterima dalam portfolio.

PMC bertanggungjawab terhadap prestasi Dana dengan melabur terutamanya dalam pemilikan benefisial harta tanah di Malaysia daripada Penaja khususnya aset-aset komersial termasuk tetapi tidak terhad kepada bangunan pejabat, kompleks membeli-belah, pusat komersial, logistik dan kompleks perindustrian. Dana ini juga akan melabur dalam pasaran wang yang patuh Syariah dan instrumen bersamaan dan memegang tunai untuk memenuhi keperluan kecairannya.

Atas dasar ini, PMC menganggap perniagaan Dana hanya mempunyai segmen kendalian tunggal yang terletak di Malaysia. Keputusan peruntukan aset berdasarkan strategi pelaburan tunggal dan bersepadu dan prestasi Dana dinilai secara keseluruhan.

Pelaporan dalaman untuk aset, liabiliti dan prestasi Dana disediakan secara konsisten dengan prinsip pengukuran dan pengiktirafan MFRS dan IFRS.

Tiada sebarang perubahan dalam segmen kendalian yang boleh dilaporkan sepanjang tempoh kewangan.

20. INSTRUMEN KEWANGAN

(a) Klasifikasi instrumen kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan Dana diukur secara berterusan sama ada pada nilai saksama atau pada kos terlunas berdasarkan klasifikasi masing-masing. Dasar perakaunan penting dalam Nota 2.3 hingga Nota 2.18 menerangkan bagaimana kelas instrumen kewangan diukur dan bagaimana pendapatan dan perbelanjaan, termasuk keuntungan dan kerugian nilai saksama diiktiraf.

Jadual berikut menganalisis aset dan liabiliti kewangan Dana dalam penyata kedudukan kewangan pada mengikut kelas instrumen kewangan yang ditetapkan, dan dengan itu melalui asas ukuran.

20. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

(a) Klasifikasi instrumen kewangan (Samb.)

	Pembentukan dan penghutang	Liabiliti kewangan pada kos terlunas	Jumlah
31.03.2018	RM	RM	RM
Aset-aset			
Tunai di bank	1,865	-	1,865
Deposit-deposit patuh Syariah dengan institusi-institusi kewangan berlesen	96,967,427	-	96,967,427
Pendapatan keuntungan belum terima	95,606	-	95,606
Keuntungan sewa belum terima	-	-	-
Jumlah aset kewangan	97,064,898	-	97,064,898

Liabiliti-liabiliti

Terhutang kepada pengurus	-	1,616,728	1,616,728
Agihan perlu bayar	-	117,377,768	117,377,768
Pelbagai pembiayaan dan akruan lain	-	16,400	16,400
Jumlah liabiliti kewangan	-	119,010,896	119,010,896

30.09.2017

Aset-aset

Tunai di bank	1,794	-	1,794
Deposit-deposit patuh Syariah dengan institusi-institusi kewangan berlesen	114,038,000	-	114,038,000
Pendapatan keuntungan belum terima	137,689	-	137,689
Keuntungan sewa belum terima	1,214,583	-	1,214,583
Jumlah aset kewangan	115,392,066	-	115,392,066

Liabiliti-liabiliti

Terhutang kepada pengurus	-	1,478,211	1,478,211
Agihan perlu bayar	-	101,316,482	101,316,482
Pelbagai pembiayaan dan akruan lain	-	33,018,400	33,018,400
Jumlah liabiliti kewangan	-	135,813,093	135,813,093

(b) Instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama

Dana tidak mempunyai aset kewangan yang dinilai pada nilai saksama setakat 31 Mac 2018 (30.09.2017: Tiada).

20. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

- (c) Instrumen kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama dan di mana amaun dibawanya merupakan anggaran munasabah bagi nilai saksama**

Instrumen kewangan Dana tidak dikira pada nilai saksama, tetapi nilai yang ditunjukkan adalah merupakan anggaran munasabah kepada nilai saksama disebabkan oleh kadar kematangan yang pendek. Oleh itu, tiada pendedahan hierarki nilai saksama dibentangkan.

21. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

- (a) Pengenalan**

Tujuan Dana dalam menguruskan risiko adalah bertujuan untuk melindungi para pemegang unit. Sebagaimana diketahui, aktiviti Dana adalah terdedah kepada risiko. Walaubagaimanapun Pengurus selalu berusaha untuk mengenal pasti, mengukur dan memantau risiko-risiko tersebut.

Pengendalian risiko kewangan ini dibuat melalui pelaksanaan kawalan dalaman yang munasabah dan pematuhan terhadap had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Surat Ikatan, lain-lain peruntukan Surat Ikatan, Garis Panduan Dana Unit Amanah yang dikeluarkan oleh SC dan CMSA.

- (b) Risiko pasaran**

Risiko pasaran adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan instrumen kewangan akan naik turun akibat perubahan dalam pemboleh ubah pasaran seperti kadar keuntungan, kadar tukaran asing dan harga ekuiti. Namun, Dana tidak terdedah kepada risiko harga ekuiti atau risiko mata wang memandangkan ia tidak memegang sebarang pelaburan dalam ekuiti yang patuh Syariah atau pelaburan patuh Syariah yang didenominasi dalam mata wang selain daripada RM pada tarikh pelaporan.

Tunai dan sekuriti pendapatan tetap lain sangat peka kepada pergerakan kadar keuntungan. Apabila kadar keuntungan meningkat, pulangan atas tunai akan naik lalu menjelaskan NAB Dana. Deposit Dana dengan institusi kewangan yang berlesen mempunyai kadar keuntungan tetap dan oleh itu tidak dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar keuntungan pasaran.

21. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

c) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko bahawa Penaja atau rakan niaga kepada instrumen kewangan akan mungkir atas kewajibannya yang mengakibatkan kerugian kewangan kepada Dana.

Pendedahan Dana kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang, deposit-deposit patuh Syariah daripada institusi-institusi kewangan yang berlesen, aset-aset pajakan dan tunai di bank.

Perdagangan belum terima

Bagi pendapatan sewa yang belum terima, Pengurus mengurangkan risiko ini dengan meminta Penaja menyediakan deposit sekuriti atas aset pajakan dan sejumlah wang tunai dan kemudahan kredit untuk memenuhi permintaan penjualan balik oleh Pegurus. Tertakluk pada keizinan Pemegang Amanah, Penaja diberi pilihan untuk memperbaharui pajakan Aset Pajakan untuk tempoh pajakan lanjutan yang akan ditetapkan dengan semakan sewa sebagaimana yang boleh dipersetujui oleh Pemegang Amanah dan Penaja.

Aset-aset pajakan

Sekiranya Perjanjian Pemajakan tamat tempoh sebelum pembaharuan, Penaja boleh meminta Pemegang Amanah untuk menjual pemilikan benefisial aset hartaanah terbabit kepada Penaja pada kadar harga terlaksana mengikut aku janji jual dipersetujui antara Penaja dengan Pemegang Amanah.

Sekiranya Perjanjian Pemajakan dibatalkan, Pemegang Amanah boleh meminta Penaja untuk membeli pemilik benefisial aset hartaanah pada kadar harga terlaksana mengikut aku janji jual dipersetujui antara Penaja dengan Pemegang Amanah.

Jika Penaja gagal melaksanakan aku janji jualan, Pemegang Amanah boleh menjual, memindah milik atau melupuskan atau menyerah hak aset-aset pajakan kepada pihak ketiga selaras dengan Kuasa Perwakilan Tidak-terbatal yang telah diserahkan oleh pihak Penaja.

Lain-lain penghutang dan tunai dan tunai setara

Pengurus mengendalikan risiko kredit Dana dengan menjalankan penilaian kredit dan pemantauan teliti ke atas

21. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

c) Risiko kredit (Samb.)

Lain-lain penghutang dan tunai dan tunai setara (Samb.)

dasar Dana untuk memeterai instrumen kewangan dengan rakan niaga bereputasi baik. Pengurus juga memantau dengan teliti kepercayaan kredit rakan niaga Dana (contohnya broker, penjaga, bank, dan sebagainya) dengan menyemak penarafan kredit dan profil kredit mereka secara tetap.

Deposit-deposit jangka pendek patuh Syariah hanya ditempatkan dengan institusi-institusi kewangan yang mempunyai reputasi yang tinggi dan mempunyai laporan kredit yang baik.

(i) Pendedahan risiko kredit

Pada tarikh pelaporan dibuat, pendedahan maksimum Dana kepada risiko kredit diwakili oleh amaun dibawa setiap kelas aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan. Tiada satu pun aset kewangan Dana telah lampau tempoh atau terosot nilai pada tarikh pelaporan dibuat.

(ii) Tumpuan risiko kredit

Jadual berikut menganalisis deposit-deposit patuh Syariah dengan institusi kewangan yang berlesen, tunai di bank dan pendapatan untung belum terima daripada institusi kewangan yang berlesen mengikut kategori penarafan. Penarafan ini diperoleh daripada RAM Holdings Berhad.

	31.03.2018	30.09.2017
	Peratusan	Peratusan
	Jumlah NAB	Jumlah NAB
	RM	%
Tunai di bank, deposit-deposit patuh Syariah dengan institusi- institusi kewangan yang berlesen dan pendapatan keuntungan belum terima		
AAA	97,064,898	2.52
	114,177,483	2.96

21. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(d) Risiko kecairan

Risiko kecairan ditakrifkan sebagai risiko di mana Dana akan mengalami kesukaran dalam memenuhi obligasi yang dikenakan dengan liabiliti kewangan yang dilangsaikan dengan memberi tunai atau aset kewangan lain. Pendedahan Dana kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada agihan belum dibayar kepada pemegang-pemegang unit dan lain-lain pembiutang.

Pengurus mengekalkan tahap kecairan aset yang mencukupi untuk memastikan kewangan untuk operasi Dana mencukupi untuk pemegang-pemegang unit dan untuk mengurangkan kesan naik turun dalam aliran tunai. Aset cair terdiri daripada tunai, deposit patuh Syariah dengan institusi kewangan yang berlesen dan instrumen lain yang mampu ditukar kepada tunai dalam masa 7 hari.

Dana ini adalah terdedah kepada risiko kecairan secara minimum yang timbul daripada penebusan tunai unitnya daripada pemegang unit. Unit-unit yang dijual kepada pemegang unit boleh ditebus pada opsyen pemegang unit pada RM1.00 seunit.

Berdasarkan struktur Dana yang diluluskan, unit yang dibatalkan oleh pemegang unit akan serta merta dijual kepada Perjanjian Pembelian Balik antara Penaja, Pengurus dan Pemegang Amanah, Pengurus tidak boleh membatalkan dan tanpa syarat perlu mengusahakan untuk membeli unit yang dibeli semula oleh Pengurus pada harga RM1.00 sepanjang Dana dalam operasi.

Bagi memenuhi obligasi pembelian balik Penaja, Penaja perlu mempunyai polisi pengurusan kecairan yang mencukupi, proses untuk pemuliharaan tahap kecairan untuk memenuhi permintaan pembelian balik daripada pemegang unit.

Di bawah perjanjian, Penaja mesti memperuntukkan sebahagian tunai dan kemudahan kredit untuk memenuhi permintaan pembelian balik oleh Pengurus. Berikutnya kepada had yang ditetapkan oleh SC, jumlah pembelian balik baki akaun dengan kemudahan kredit yang sedia ada perlu pada setiap masa tidak kurang 50% daripada jumlah nominal unit (selain daripada unit yang dipegang oleh Penaja). Tahap kecairan dipantau oleh Pengurus dan juga Pemegang Amanah sekurang-kurangnya setiap bulan dan dilaporkan kepada SC setiap enam (6) bulan.

Jadual di bawah memberikan ringkasan tentang profil

21. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(d) Risiko kecairan (Samb.)

kematangan aset kewangan Dana dan aset liabiliti dan ekuiti pemegang unit untuk memberikan gambaran lengkap komitmen berkontrak dan kecairan Dana:

31.03.2018	Kurang daripada 1 bulan	Lebih daripada 1 bulan	Jumlah RM
	RM	RM	
Aset-aset kewangan			
Tunai di bank	1,865	-	1,865
Deposit-deposit patuh Syariah dengan institusi-institusi kewangan berlesen	96,967,427	-	96,967,427
Pendapatan keuntungan belum terima	95,606	-	95,606
Jumlah aset kewangan belum didiskaunkan	97,064,898	-	97,064,898
Liabiliti-liabiliti kewangan			
Ter hutang kepada Pengurus	1,616,728	-	1,616,728
Agihan perlu bayar	117,377,768	-	117,377,768
Pembiutang dan akruan lain	16,400	-	16,400
Jumlah liabiliti kewangan belum didiskaunkan	119,010,896	-	119,010,896
Kecairan jurang	(21,945,998)	-	(21,945,998)

30.09.2017

Aset-aset kewangan			
Tunai di bank	1,794	-	1,794
Deposit-deposit patuh Syariah dengan institusi-institusi kewangan berlesen	114,038,000	-	114,038,000
Pendapatan keuntungan belum terima	137,689	-	137,689
Keuntungan sewa belum terima	1,214,583	-	1,214,583
Jumlah aset kewangan belum didiskaunkan	115,392,066	-	115,392,066
Liabiliti-liabiliti kewangan			
Ter hutang kepada Pengurus	1,478,211	-	1,478,211
Agihan perlu bayar	101,316,482	-	101,316,482
Pembiutang dan akruan lain	18,400	33,000,000	33,018,400
Jumlah liabiliti kewangan belum didiskaunkan	102,813,093	33,000,000	135,813,093
Kecairan lebihan/(jurang)	12,578,973	(33,000,000)	(20,421,027)

21. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(d) Risiko kecairan (Samb.)

(i) Aset kewangan

Pengumpulan deposit-deposit patuh Syariah adalah berdasarkan tempoh jangkaan aset-aset ini akan direalisasikan. Untuk aset-aset lain, analisa kepada pengumpulan kematangan adalah berdasarkan tempoh yang tinggal dari akhir tempoh pelaporan hingga tarikh matang kontraktual atau jika lebih awal, tarikh jangkaan bila aset itu akan direalisasikan.

Aset kewangan tidak termasuk aset-aset pajakan, zakat dan perkara-perkara berkaitan cukai seperti CBP boleh diperolehi semula.

(ii) Liabiliti kewangan

Pengumpulan kematangan adalah berdasarkan tempoh yang tinggal dari akhir tempoh pelaporan hingga tarikh matang kontraktual. Apabila rakan niaga sejawat mempunyai pilihan tentang bila amaun tersebut dibayar, liabiliti akan diperuntukkan kepada tempoh paling awal di mana Dana dikehendaki menyelesaikan kewajipan kewangannya.

(iii) Ekuiti pemegang unit

Dana tidak terdedah kepada risiko kecairan yang timbul akibat penebusan unit memandangkan unit yang dibeli semula oleh Pengurus akan dijual serta-merta kepada Penaja, selaras dengan Perjanjian Jual Beli yang dimeterai antara Penaja, Pengurus dan Pemegang Amanah. Oleh itu, ekuiti pemegang unit dikecualikan daripada jadual profil kematangan di atas.

Pada 31 Mac 2018, Dana mempunyai jurang mudah tunai daripada aset-aset pajakan dan aset berkaitan cukai yang tidak dianggap sebagai instrumen kewangan.

(e) Risiko ketidakpatuhan Syariah

Terdapat risiko bahawa aset-aset pajakan yang dipegang pada masa ini akan dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah apabila dikaji semula oleh panel penasihat Syariah. Ini mungkin berlaku jika sewa pajakan diperoleh daripada aktiviti yang tidak menurut prinsip Syariah. Jika ini berlaku, Dana tidak akan mendapat manfaat daripada pendapatan sewa yang dihasilkan

21. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(e) Risiko ketidakpatuhan Syariah (Samb.)

daripada aset pajakan itu dan sewa pajakan akan disalurkan kepada mana-mana badan amal seperti yang dinasihatkan oleh panel penasihat Syariah Dana.

22. PENGURUSAN MODAL

Objektif Dana dalam menguruskan modal adalah:

- (a) Untuk melabur dalam pelaburan yang memenuhi jenis, pendedahan risiko dan pulangan dijangka yang dinyatakan dalam prospektusnya;
- (b) Untuk mencapai pulangan konsisten sambil melindungi modal dengan menggunakan pelbagai strategi pelaburan;
- (c) Untuk mengekalkan kecairan yang secukupnya bagi menyediakan pemegang-pemegang unit pendapatan dan agihan tetap dan memenuhi perbelanjaan Dana apabila diperlukan; dan
- (d) Untuk mengekalkan saiz dana yang mencukupi dan untuk memastikan bahawa operasi Dana adalah menjimatkan kos.

Tiada perubahan dibuat terhadap objektif pengurusan modal, polisi atau proses di dalam tempoh kewangan semasa dan terdahulu.



Amanah Hartanah Bumiputera

PENAJA



Pelaburan Hartanah Berhad

Pelaburan Hartanah Berhad
(732816-U)

Aras 9, Blok D, Dataran PHB, Saujana Resort, Seksyen U2,
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-7711 3000 Fax: 03-7711 3031 Website: www.phb.com.my

PENGURUS



Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (421779-M)

Aras 12, Tower C, Dataran Maybank,
No.1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2297 7888 Fax: 03-2715 0071 Website: www.maybank-am.com

PEMEGANG AMANAH

AMANAH RAYA
TRUSTEES

AmanahRaya Trustees Berhad
(766894-T)

Tingkat 11, Wisma AmanahRaya,
No.2, Jalan Ampang, 50508 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2055 7388 Website: www.amanahraya.com.my